

SH 10.05.2018 M/S 514.

# Kilang haram punca pencemaran

Sisa-sisa dari kilang yang dipercayai memproses hasil getah itu disalurkan ke kawasan parit yang terletak bersebelahannya sehingga menyebabkan parit tersebut tercemar teruk dan menimbulkan bau yang kurang menyenangkan.

■ ALANG AZIZAH MOKHTAR

**KLANG** - Operasi sebuah kilang yang didirikan secara haram di sebuah tanah lot di Jalan Sungai Putus di sini sejak beberapa tahun lalu dikatakan menjadi punca utama berlakunya kejadian pencemaran di sekitar kawasan tersebut.


Selain menjalankan operasi secara haram, sisa-sisa dari kilang yang dipercayai memproses hasil getah itu disalurkan ke kawasan parit yang terletak bersebelah-

annya sehingga menyebabkan parit tersebut tercemar teruk dan menimbulkan bau yang kurang menyenangkan.

Menurut seorang penduduk, Mejar (B) Kamal Ismadi Sumeri, 46, kehidupan mereka sekeluarga berasa amat terganggu akibat dari operasi kilang tersebut yang terletak bersebelahan dengan kediamannya itu.

"Jarak rumah dengan kilang tidak sampai tiga meter dan sudah tentu kami sekeluarga berasa tidak selesa dengan segala operasi yang berjalan di kilang tersebut kerana berasa tidak tenteram disebabkan sering menghidu bau yang kurang menyenangkan dan juga bunyi bising.

"Kami juga berasa tidak selesa dan selamat apabila mereka sewenang-wenangnya menyalurkan segala sisa-sisa kumbahan ke dalam parit berhampiran dengan kawasan kediaman kami kerana bimbang ia akan memudaratkan kesihatan saya sekeluarga dan



Kamal menunjukkan keadaan parit yang tercemar teruk akibat pembuangan sisa-sisa kumbahan dari kilang yang terletak di sebelah rumahnya.

juga penduduk berhampiran," jelasnya.

Tambahnya, dia sudah membuat aduan berkenaan kepada pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor dan Majlis Perbandaran Klang (MPK) serta pihak-pihak berkaitan dan pemantauan dibuat

sejak beberapa minggu lalu.

"Kami amat berterima kasih atas keprihatinan pihak-pihak tersebut, namun apa yang kami harapkan mereka akan mengambil tindakan sewajarnya demi kebaikan semua pihak.

"Status kawasan ini me-

rupakan kawasan kediaman dan tidak sesuai sebuah kilang untuk didirikan di sini, oleh itu kita mahu kilang tersebut perlu dipindahkan ke sebuah kawasan yang lebih sesuai untuk mengelakkan berlakunya konflik-konflik sebegini," tegasnya.